

# Generasi muda perlu hargai sumber air

KLANG – Orang ramai terutama generasi muda perlu menjaga kebersihan Sungai Klang kerana selain penting sebagai sumber air ia juga mempunyai nilai sejarah yang unik dan tersendiri.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama, Belia dan Mesra Rakyat Selangor, Datuk Abdul Rahman Palil berkata, kepentingan sungai perlu dijaga supaya ia tidak terus terbiar pada masa depan.

“Selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang mahu menjadikan sungai sebagai aset pada masa depan dan

bukan lagi liabiliti jadi orang ramai kena terus menjaganya sebaik mungkin,” ujarnya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sementa itu berkata demikian selepas merasmikan kempen pembersihan Sungai Klang dan Pesta Sukan Air 2006 di Taman Pengkalan Batu di sini Sabtu lalu anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Abdul Rahman Palil mewakili Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kemudahan Awam dan Infrastruktur Selangor, Datuk Abdul Fatah Iskan-

dar.

Pada perkembangan yang sama, beliau yang juga pernah menjadi ahli majlis MPK itu memberitahu, sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar bersejarah itu dulu merupakan nadi kepada masyarakat.

Tetapi, katanya, lama kelamaan, ia terbiar dan dijadikan tempat pembuangan sampah kerana tidak lagi dipedulikan sehingga memaksa MPK dan kerajaan negeri berbuat sesuatu mengenainya.

Antara langkah itu, katanya, MPK terpaksa mengutip beribu-ribu ki-

logram sampah dari sungai berke-  
naan sejak beberapa tahun lalu.

“Sungai Klang perlu terus dipelihara dan langkah MPK menjadikannya sebagai lokasi sukan air dan rekreasi merupakan langkah terbaik mendidik masyarakat menghargai kepentingan sungai,” jelasnya.

Dalam pada itu, dalam enam bulan pertama tahun ini, kerajaan negeri kini dalam usaha membersihkan sungai di Selangor termasuk Sungai Klang secara proaktif dan bersungguh-sungguh dalam usaha menjadikan kualiti sungai semakin terjamin.



ABDUL RAHMAN